

# 'Wujudkan Rakan Akuakultur'

Oleh S. CONNIE PEARL  
SUIL


► UMS adakan bengkel industri akuakultur buat julung kalinya

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan bengkel berkaitan industri akuakultur buat julung kalinya bersama penternak ikan di seluruh Sabah.

Peserta yang terpilih mengikuti bengkel anjuran Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) itu turut ditaja sepenuhnya oleh Program Kecemerlangan Penyelidikan Akuakultur (HICOE Berpotensi) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof Dr Shahril Mohd Yusof berharap bengkel itu akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh kedua-dua pihak IPMB dan juga penternak ikan.

"Penganjuran program perkongsian dan pemindahan teknologi ilmu akuakultur kepada komuniti setempat adalah



**SHAHRIL** (kanan) ketika menyempurnakan simbolik perasmian Bengkel Melestarikan Industri Akuakultur bersama Komuniti.

bertepatan dengan prinsip UMS iaitu memastikan ilmu dimanfaatkan seluruh masyarakat.

"Untuk itu, saya juga ingin menggesa agar Institut Penyelidikan Marin Borneo mewujudkan Rakan Akuakultur.

"Menerusi pengwujudkan rakan akuakultur kesemua pengusaha akan menjadi rakan institut marin disamping memudahkan penternak menyampaikan masalah mereka secara lebih mudah selain mendapat informasi dengan lebih baik dan cepat," katanya ketika merasmikan Bengkel Melestarikan Industri Akuakultur bersama Komuniti, di sini kelmarin.

Sharil berkata, menerusi Rakan Akuakultur IMPB, penternak turut mudah mengakses informasi selain

dijemput untuk menghadiri sebarang program yang dianjurkan oleh IPMB UMS.

"Sehubungan itu, ia juga memudahkan kita memanggil seluruh penternak ikan sekiranya terdapat bengkel, sesi latihan mahupun untuk membuat kajian bersama dalam industri akuakultur," katanya.

Sementara itu, Pengarah IPMB Prof Madya Dr Rossita Shapawi berkata, Sabah berpotensi untuk membangunkan industri akuakultur yang mana banyak perairan yang belum diterokai untuk aktiviti perikanan khususnya ternakan ikan dalam sangkar dan akuakultur

ikan tawar.

Bagaimanapun katanya, perkembangan industri akuakultur harus dilakukan secara lestari dan mampan untuk membolehkan industri terbabit bertahan sehingga ke generasi akan datang.

"Berdasarkan keinginan, IPMB mengambil inisiatif untuk mengadakan bengkel ini dengan hasrat berkongsi ilmu pengetahuan berkaitan teknologi lestari akuakultur dengan komuniti pengusaha akuakultur di seluruh negeri Sabah," katanya.

Dalam pada itu, seramai 40 peserta penternak ikan daripada pelbagai agensi menyertai bengkel yang diadakan selama dua hari itu.



**SEBAHAGIAN** peserta yang menyertai bengkel berkenaan.